

Denda RM50,000 jika tak hormat bahasa kebangsaan

BERITA HARIAN

MS: 2

22/6/2022

Kuala Lumpur: Individu yang didapati tidak menghormati bahasa Melayu selaku bahasa kebangsaan bakal berdepan denda minimum RM50,000 atau hukuman penjara.

Difahamkan dua hukuman itu antara perkara yang dicadangkan dalam draf pindaan Akta Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) 1959 yang sedang diusahakan ketika ini.

Pindaan terhadap akta berkenaan akan mengubah kedudukan DBP menjadi pihak berkuasa bahasa, sekali gus memastikan badan di bawah Kementerian Pendidikan (KPM) itu 'bertaring' untuk mengambil tindakan terhadap kesalahan atau pengabaian bahasa Melayu selaku bahasa kebangsaan.

Pada masa sama, DBP turut mencadangkan pindaan akta berkenaan bersekali dengan Akta Bahasa Kebangsaan 1963 selaku akta induk.

Jika Akta Bahasa Kebangsaan 1963 tidak dipinda bersama, ia tidak akan memberi kesan ketara kerana semua majlis rasmi memerlukan penggunaan bahasa kebangsaan seperti termasuk dalam akta berkenaan.

Justeru, satu pasukan gerak kerja untuk meminda Akta Bahasa Kebangsaan diwujudkan yang dianggotai pakar undang-undang dan pengurusan, termasuk merujuk nasihat pihak peguam negara.

Pengerusi Lembaga Pengelola DBP, Prof Datuk Seri Dr Awang Sariyan, berkata pihaknya kini dalam tahap terakhir untuk menyiapkan draf pindaan Akta DBP itu, yang kemungkinan

akan dikemaskinikan dalam minggu ini juga.

Selepas siap draf berkenaan, katanya, ia seterusnya akan dibentangkan kepada Menteri Pendidikan, Datuk Dr Radzi Jidin sebelum dibentangkan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob.

"Kesalahan bahasa ada dua. Yang paling penting itu tidak menghormati bukan soal salah tatabahasa dan ejaan. Yang paling penting tidak hormati bahasa kebangsaan.

"Kita ada cadangan bentuk denda atau tindakan. Mungkin kalau membabitkan penjawat awam, (hukuman) dalam bentuk tata tertib, contohnya.

"Usul yang diperkenalkan itu adalah untuk membangkitkan kecintaan kepada negara dan semangat patriotisme," katanya kepada pemberita selepas Majlis Perasmian Sambutan Ulang Tahun DBP Ke-66 dan pelancaran portal JendelaDBP, di sini semalam.

Awang berkata, draf itu akan melalui kelulusan Pejabat Peguam Negara sebelum dibentangkan dalam mesyuarat Kabinet, seterusnya ke Parlimen untuk sesi pembentangan.

"Dalam minggu ini kita akan kemas kini dan kita buat laporan penuh. Kita akan bentang kepada Menteri Pendidikan terlebih dahulu dan selepas itu ke Pejabat Perdana Menteri. Saya berharap paling lewat bulan depan selesai.

Sehubungan itu, Awang menjelaskan, pindaan Akta DBP mesti dilihat secara holistik dan tidak seharusnya tertumpu kepada soal penguatkuasaan semata-mata.